

**BAHASA MELAYU  
TINGKATAN 1  
CIKGU IRFAN**

**KATA PENEGAS**

**KATA PENEGAS****Gariskan Jawapan Yang Betul.**

1. Apa (kah/lah) yang berlaku sehingga Lim menjerit sekuat hati ?
2. Jamal (lah/kah) yang handal bermain bola sepak peringkat sekolah ?
3. Di sana (kah/lah) bangkai buaya itu ditemui oleh penduduk kampung.
4. Semalam ayah tidak pergi bekerja dan hari ini (juga/hanya) beliau tidak pergi bekerja.
5. Pengarah Pendidikan saya yang sibuk itu datang (lah/jua) ke majlis perkahwinan saya.
6. Cikgu kelas memberitahu bahawa Anusia (sahaja/kah) yang tidak hantar kerja sekolah.
7. Siapa (kah/tah) agaknya yang berjaya menjadi juara dalam pertandingan drama pada tahun ini ?
8. "Tendang (tah/lah) bola itu dengan kuat sehingga menjaringkan gol," kata pegawai sukan.
9. Sudah tiga hari dia menanti surat daripada abangnya dan hingga kini dia masih (kah/juga) menunggu surat itu.
10. "Pernah (kah/lah) awak mengalami kerugian sepanjang menjalankan perniagaan ini ?" tanya Pak Hamid kepada anaknya.

**Isikan Tempat-Tempat Kosong Dengan Perkataan Yang Diberikan.**

pun	lagi	kah	tah	juga
memang	lah	jua	sahaja	Hanya

1. Budak-budak di kampung itu \_\_\_\_\_ agak nakal.
2. Apa \_\_\_\_\_ yang dikatakannya semuanya dipandang tidak betul.
3. Apa \_\_\_\_\_ usaha kita menghidupkan semula tarian piring ini.
4. Dia seorang \_\_\_\_\_ sahaja dalam keluarganya yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

5. Walaupun sudah jam sembilan tetapi tetamu kehormat itu belum tiba \_\_\_\_\_.
6. Pernah \_\_\_\_\_ awak menguasai bahasa orang Asli kaum Batiq di negeri Pahang.
7. \_\_\_\_\_ Citra yang belum membuat keputusan untuk melancong ke negara India.
8. "Makan \_\_\_\_\_ tengah hari supaya kamu tidak lapar," kata kakak kepada Azmi.
9. Semasa cuti sekolah kucing kesayangan Aisah dibawa \_\_\_\_\_ ke rumah neneknya.
10. Sulaiman \_\_\_\_\_ menggaru-garu apabila diminta menyelesaikan soalan Sains itu.

**Pilih Jawapan Yang Paling Sesuai.**

1. Murid-murid \_\_\_\_\_ mendiamkan diri apabila dimarahi oleh guru disiplin.
  - A. memang
  - B. hanya
  - C. pun
  - D. juga
2. Subjek Biologi dan Kimia \_\_\_\_\_ digemari oleh murid-murid aliran Sains sahaja.
  - A. hanya
  - B. memang
  - C. sahaja
  - D. juga

3. Muruk dan Kiru \_\_\_\_\_ bernasib baik kerana sempat sampai ke rumah sebelum malam.
- A. lagi
  - B. pun
  - C. memang
  - D. sahaja
4. Ayah \_\_\_\_\_ tidak bersetuju apabila abang meminta izin untuk bekerja di Singapura.
- A. memang
  - B. sahaja
  - C. hanya
  - D. lagi
5. Pinggan mangkuk yang digunakan untuk majlis perkahwinan tadi masih belum dicuci \_\_\_\_\_.  
A. pun  
B. sahaja  
C. lagi  
D. juga
6. Azim masih \_\_\_\_\_ berbaju sekolah ketika ibu bapa pulang ke rumah dari tempat kerjanya.
- A. lagi
  - B. sahaja
  - C. memang
  - D. juga

7. Ahmad \_\_\_\_\_ seorang pekerja yang bertuah kerana terpilih untuk mengikuti latihan di negara Jepun.
- A. memang
  - B. hanya
  - C. sahaja
  - D. pun
8. Menteri Besar \_\_\_\_\_ ingin membantu mangsa-mangsa banjir dengan memberikan makanan dan minuman.
- A. sahaja
  - B. pun
  - C. hanya
  - D. lagi
9. Sham \_\_\_\_\_ tersenyum apabila ada rakan-rakan mentertawakan beg sekolahnya yang koyak.
- A. memang
  - B. hanya
  - C. sahaja
  - D. pun
10. Apa \_\_\_\_\_ yang diperkatakan oleh Mazlan tentang persahabatannya langsung tidak diendahkan oleh Azman.
- A. lagi
  - B. pun
  - C. memang
  - D. sahaja

**Sila Tuliskan Betul Atau Salah Dengan Penggunaan Kata Penegas Dalam Ayat Di Bawah.**

1. Ketua kampungkah terlibat dalam gotong-royong semalam. ( )
2. Siapalah yang suka membuang sampah sarap di kawasan ini. ( )
3. Bilatah agaknya dia akan melangsaikan hutang-hutangnya itu. ( )
4. Pemuda itukah yang telah menghantar saya ke hospital semalam. ( )
5. Mengapakah masalah disiplin dalam kalangan murid masih berlaku ?. ( )
6. Oh, alangtah bertuahnya kamu kerana mempunyai keluarga yang bahagia. ( )
7. Siapakah yang akan mengambil bahagian dalam acara sukan di peringkat negeri ?. ( )
8. Apakah punca pergaduhan antara Jamil dengan Jama selepas waktu persekolahan ?. ( )
9. Kita haruslah berhati-hati ketika menjawab soalan peperiksaan di dalam dewan peperiksaan. ( )
10. Bagaimanakah kita akan menyelesaikan masaah pencemaran udara yang melanda di negara kita ? ( )

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan kata penegas yang kamu jumpai. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Alam sekitar seharusnya dijaga kerana alam sekitar bukan hanya digunakan pada masa sekarang, tetapi akan digunakan sehingga beratus-ratus tahun lagi. Udara yang bersih merupakan nikmat yang sangat bermilai kepada kehidupan manusia kerana bebas daripada pencemaran bahan kimia. Kawasan yang segar dan bersih lazimnya dipenuhi tumbuh-tumbuhan menghijau. Udara yang bersih dan lembap juga dapat menghindarkan berlakunya penipisan lapisan ozon. Oleh sebab itu, melalui persekitaran yang segar dan nyaman, orang ramai dapat melakukan aktiviti luar dan beriadah tanpa gangguan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Memelihara Alam Sekitar Oleh Samat Buang  
*Dewan Siswa, Bil 12/2016*

1.

---

---

---

2.

---

---

---

3.

---

---

---

4.

---

---

---